



PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE

Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3(14)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 00794



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : ISMS 00150

Tarikh : 30 Mei 2023

PEKELILING BURSAR BIL. 1 TAHUN 2023
PERUBAHAN HAD KUASA MELULUS PEROLEHAN BERDASARKAN
PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA –
PK 2.1 PERIHAL UMUM

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Serdang dan Bintulu berkenaan dengan perubahan had kuasa melulus perolehan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – PK 2.1 Perihal Umum dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti ke Seratus Tujuh Puluh (170) pada 18 April 2023.

2. LATAR BELAKANG

2.1 PK2 merupakan tatacara perolehan umum menerangkan peraturan am perolehan yang terpakai kepada semua kaedah perolehan yang berkaitan. Semua proses perolehan termasuk pra-perolehan, semasa perolehan dan pasca perolehan di dalam pekeliling ini hendaklah dipatuhi bagi memastikan pelaksanaan perolehan dapat dilaksanakan dengan betul dan teratur. Pekeliling PK2 ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah UPM 26/12 pada 14 September 2002. Pekeliling ini telah di perincikan mengikut kaedah perolehan secara lebih jelas seperti di **Lampiran A**.

3. PERKARA YANG YANG DIPINDA PADA PEKELILING YANG BAHARU

3.1 Had nilai dan kaedah tatacara perolehan bekalan dan perkhidmatan di dalam pekeliling yang berkuatkuasa dan had nilai baharu adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai Semasa/Berkuatkuasa	Had Nilai Diluluskan
Pembelian Terus	Sehingga RM20 ribu	Sehingga RM50 ribu
Sebut harga	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Kekal tiada perubahan
Tender Terbuka	Melebihi RM500 ribu	Tiada perubahan
Tender Terbuka Pra-Kelayakan	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus	Tiada perubahan
Tender Terbuka <i>Request for Proposal</i>	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus	Tiada perubahan
Rundingan Terus	Melebihi RM50 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus	Tiada perubahan

3.2 Kaedah, had nilai dan tatacara perolehan kerja adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai Semasa/Bekuatkuasa	Had Nilai Diluluskan
Lantikan Terus	Sehingga RM20 ribu	Sehingga RM50 ribu
Requisition	Sehingga RM50 ribu	Tiada perubahan
Sebut harga	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Tiada perubahan
Tender Terbuka	Melebihi RM500 ribu	Tiada perubahan
Tender Terbuka Pra-Kelayakan	Melebihi RM500 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus	Tiada perubahan
Rundingan Terus		Melebihi RM50 ribu dan tertakluk kepada kriteria khusus

3.3 Pindaan utama yang dibuat adalah melibatkan had kuasa melulus perolehan yang mana had kuasa melulus perolehan telah dinaikkan sehingga RM50 ribu bagi kaedah perolehan secara pembelian terus dan lantikan terus.

4. PELAKSANAAN

4.1 Pejabat Bursar telah meneliti kuasa-kuasa melulus perolehan yang dibenarkan seperti di atas dan had kuasa melulus perolehan yang yang diluluskan adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai Semasa	Had Nilai Diluluskan	PBM Semasa	PBM Diluluskan
Pembelian Terus/ Lantikan Terus	Hingga RM20 ribu	Kuasa dinaikkan sehingga RM50 ribu	Ketua PTJ	Ketua PTJ
Sebut harga B Sebutharga Universiti	Melebihi RM20 ribu hingga RM50 ribu	Dibatalkan	Jawatan kuasa Sebutharga B (JKSH B)	Digugurkan
	Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu	Tiada perubahan	Jawatan kuasa Sebutharga Universiti (JKSH)	Tiada perubahan (JKSH)
Tender	Melebihi RM500 ribu hingga RM100 juta	Tiada perubahan	Lembaga Perolehan (LP)	Tiada perubahan
	Melebihi RM100 juta	Tiada perubahan	Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)	Tiada perubahan

4.2 Pegawai Pengawal telah menurunkan kuasa kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (Ketua PTJ) bagi kaedah perolehan pembelian terus (bekalan dan perkhidmatan) dan lantikan terus (kerja) dengan had nilai hingga RM50 ribu.


4.3 Surat kuasa Ketua PTJ bagi keadah perolehan secara pembelian terus hendaklah diperbaharui selaras dengan perubahan had nilai yang dicadangkan di para 4. Surat kuasa Ketua PTJ ini perlu dilengkapkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tempoh Pekeling Pekeliling Bursar Bil. 1 Tahun 2023 Perubahan Had Kuasa Melulus Perolehan Berdasarkan Pekeling Perbendaharaan Malaysia - PK 2.1 Perihal Umum diedarkan

kepada semua PTJ. Google Form akan disediakan bagi memastikan setiap PTJ menyertakan surat kuasa Ketua PTJ yang diperbaharui bagi tujuan pemantauan Pejabat Bursar mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Perubahan peraturan yang melibatkan perubahan had kuasa di atas perlu merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – PK 2.1 Perihal Umum dan **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA
Bursar
Universiti Putra Malaysia

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON

LAMPIRAN A

Senarai pekeliling berkaitan adalah seperti berikut:

- 2.1 Perihal Umum.
- 2.2 Tender Terbuka.
- 2.3 Tender Terbuka Pra Kelayakan.
- 2.4 Rundingan Terus.
- 2.5 Kontrak Pusat.
- 2.6 Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) Sektor Awam.
- 2.7 Kontrak Panel Berpusat.
- 2.8 Perolehan Secara Request For Proposal (RFP).
- 2.9 Sebut Harga.
- 2.10 Pembelian Terus (Bekalan Dan Perkhidmatan).
- 2.11 Lantikan Terus Dan Kerja-Kerja Requisition.
- 2.12 Pelaksanaan Perolehan Secara Gotong-Royong.
- 2.13 Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat Dan Perbadanan.
- 2.14 Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan.
- 2.15 Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/ Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negeri.
- 2.16 Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan.
- 2.17 Tatacara Perolehan Pembaikan/ Senggaraan Bot Dan Kapal.
- 2.18 Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina.
- 2.19 Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan.
- 2.20 Perolehan Perkhidmatan Ukiran Kayu.
- 2.21 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2022 Dan 2023
- 2.22 Pelaksanaan Syarat Perubahan Kerja (Variation Of Price - Vop) Dan Inisiatif Tambahan Kerajaan Pasca Pandemik Dalam Kontrak Kerja Kerajaan.

Disediakan Oleh
Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan
Pejabat Bursar
30 Mac 2023

